



**MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**USAHASAMA ANTARABANGSA ANTARA
HRD CORP DAN JOHNS HOPKINS UNIVERSITY**

1. HRD Corp, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia akan menjalinkan kerjasama strategik dengan Johns Hopkins University. Persetujuan ini dinyatakan ketika saya melawat John Hopkins Universiti semasa berada di Washington, Amerika Syarikat. Kerjasama ini akan merangkumi penyediaan program-program latihan kemahiran khususnya dalam bidang teknologi tinggi dan terbaru seperti *Artificial Intelligence*, teknologi 5G, *Cybersecurity*, teknologi *Blockchain* dan beberapa lagi program untuk memastikan pekerja Malaysia bersedia untuk masa hadapan digital.
2. Saya difahamkan Johns Hopkins Universiti adalah sebuah universiti penyelidikan pertama ditubuhkan di Amerika Syarikat. Saya percaya HRD Corp boleh memanfaatkan kepakaran yang dimiliki oleh Johns Hopkins University dalam kursus-kursus berteknologi tinggi terutamanya bagi tujuan pembangunan kemahiran golongan professional.
3. HRD Corp dan Johns Hopkins University juga akan turut bekerjasama untuk membangunkan program-program latihan jangka pendek untuk memperkuat kebolehpasaran tenaga kerja Malaysia. Ini juga akan menyokong usaha Kerajaan dalam memastikan terdapatnya peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia.
4. Selain itu, saya telah mengesyorkan HRD Corp untuk menggunakan peluang usahasama dengan John Hopkins University untuk meluaskan penerimaan inisiatif microcredential HRD Corp di peringkat antarabangsa, memandangkan HRD Corp telah memperkenalkan rangka kerja Microcredential baru-baru ini.

Sejajar dengan hasrat HRD Corp untuk membolehkan perolehan kelulusan melalui latihan-latihan jangka pendek, HRD Corp akan mengusahakan agar latihan yang ditawarkan penyedia latihan berdaftar turut diiktiraf oleh Johns Hopkins University.

5. Dalam pada itu, saya juga telah mengarahkan HRD Corp untuk bekerjasama dengan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) untuk memastikan pegawai-pegawai kanan kerajaan dapat mencapai program-program latihan dalam bidang *Artificial Intelligence* (AI). Program ini akan memberikan pendedahan selain melengkapkan para pegawai kerajaan dengan kefahaman dan kemahiran yang diperlukan dalam memperkukuhkan kepimpinan.

DATUK SERI M. SARAVANAN

MENTERI SUMBER MANUSIA

16 MEI 2022